



KENYATAAN MEDIA

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (13)

PELANJUTAN TEMPOH PAMERAN PROJEK ARKIB CHUNG CHEN SUN

Balai Seni Negara dengan sukacitanya memaklumkan bahawa **Pameran Projek Arkib Chung Chen Sun** yang sedang berlangsung di Galeri Potret telah mendapat sambutan luar biasa dengan merekodkan **lebih 21,000 pengunjung** sejak ia dibuka pada 4 Mac lalu.

Sehubungan itu, Balai Seni Negara mengambil langkah untuk **melanjutkan tempoh pameran sehingga 29 Disember 2025**, bagi memberi peluang lebih ramai pengunjung untuk mendalami warisan seni dan pendidikan tokoh tersohor ini.

Pameran ini menghimpunkan pelbagai bahan dokumentasi penting termasuk foto, lukaran, katalog, rakaman wawancara serta koleksi karya seni dakwat Cina, lukisan minyak dan pastel Chung Chen Sun yang jarang dipamerkan kepada umum. Ia disusun dengan kerangka falsafah Konfusianisme, memaparkan perjalanan seni beliau dari konteks nasional hingga antarabangsa, selain menyoroti peranan beliau sebagai pengasas Malaysian Institute of Art (MIA) dan sumbangan besar dalam bidang pendidikan seni negara.

Pelanjutan tempoh ini juga selaras dengan hasrat Balai Seni Negara untuk memperkukuh usaha pendokumentasian seni visual Malaysia serta memastikan legasi tokoh seni seperti Chung Chen Sun terus dikenali dan dihargai oleh generasi kini dan akan datang.

Orang ramai dijemput untuk berkunjung dan menghayati pameran ini yang kini berlangsung **sehingga 29 Disember 2025 di Galeri Potret, Balai Seni Negara**. Masuk adalah **percuma**. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.